

**KAJIAN TEKNIK PEMBUATAN
ALAT MUZIK KULINTANGAN DI KUDAT,
SABAH.**

NUR SYANINA SYAZWANI BINTI ROSLEE

UNIVERSITI

MALAYSIA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024
KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**TAJUK: KAJIAN TEKNIK PEMBUATAN ALAT
MUZIK KULINTANGAN DI KUDAT, SABAH.**

OLEH: NUR SYANINA SYAZWANI BINTI ROSLEE

**LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI SYARAT
UNTUK MEMENUHI PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA MUDA
PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN.**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
- SULIT** Dari tarikh _____ sehingga _____
(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.


Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: NUR SYANINA SYAZWANI BINTI ROSLEE
No. Kad Pengenalan: 001110-12-1028
Tarikh: 20 Februari 2024

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA KHAIRIL ANWAR
Nama Penyelia: DEAN BIN KAMARUDIN
Tarikh: 20 Februari 2024

PENGHARGAAN

Pertama sekali saya panjatkan puji syukur kepada Allah SWT atas keberadaan Allah SWT, karena atas limpahan dan rahmat-Nya saya dapat menyelesaikan Projek Penyelidikan (PP) ini dengan baik. Disini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pembimbing saya, Profesor Madya Khairil Anwar Dean yang telah memberikan banyak bantuan dari segi ceramah, sumbangan idea dan sokongan moral untuk memastikan bahwa saya dapat menyelesaikan projek penyelidikan ini dengan baik.

Pada kesempatan ini juga saya mengucapkan ucapan terima kasih untuk orang tua yang telah memberikan dukungan dan semangat selama saya menuntut belajar. Keluarga saya adalah sumber semangat saya untuk mempersiapkan projek penyelidikan ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang telah membantu selama proses rujukan dan perbincangan sepanjang menjalankan kajian ini.

Akhir kata, saya ingin memberikan penghargaan yang setinggi-tingginya dan ucapan terima kasih kepada Universiti Malaysia Kelantan yang telah memberi saya kesempatan dan ruang untuk melaksanakan dan mempersiapkan projek penyelidikan ini sebagai mahasiswi dan selaku pelajar di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) . Saya juga ingin berterima kasih kepada responden saya atas kerjasama mereka yang sangat baik selama proses penyelidikan.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii -vii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1: PENGENALAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
1.0	PENGENALAN	1-5
1.1	PERMASALAHAN KAJIAN	6
1.2	PERSOALAN KAJIAN	7
1.3	OBJEKTIF KAJIAN	7
1.4	KEPENTINGAN KAJIAN (INDIVIDU, MASYARAKAT, NEGARA)	8-11
1.5	SKOP KAJIAN	12-14
1.6	BATASAN KAJIAN	15

BAB 2: KAJIAN LITERATUR

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
2.0	PENGENALAN	16
2.1	DEFINISI SENI PERSEMBAHAN	16-17
2.2	WARISAN BUDAYA KULINTANGAN	17
2.3	SOROTAN KAJIAN LEPAS	18-19
2.3.1	ALAT MUZIK TRADISIONAL	20
2.3.2	JENIS-JENIS ALAT MUZIK TRADISIONAL	21-22
2.3.3	TEKNIK PEMBUATAN ALAT MUZIK TRADISIONAL	22-23
2.3.4	REKA BENTUK DAN JENIS MUZIK KULINTANGAN	23-24
2.4	KERANGKA TEORI	25
2.5	KESIMPULAN	26

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
3.0	PENGENALAN	27
3.1	PENDEKATAN KAJIAN: KAJIAN KUALITATIF	28
3.2	SUMBER KAJIAN	29
3.2.1	DATA PRIMER	29
3.2.2	DATA SEKUNDER	29-30
3.3	KAEDAH KAJIAN	31
3.3.1	TEMU BUAL	31
3.3.2	PEMERHATIAN	31-32
3.4	PERSAMPELAN DATA	33
3.5	KESIMPULAN	34

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
4.0	PENGENALAN	35
4.1	SEJARAH DAN ASAL USUL KULINTANGAN	36-40
4.2	TEKNIK DAN PROSES PEMBUATAN KULINTANGAN	41-44
4.3	JENIS LAGU YANG DIMAINKAN	45-50
4.4	KESIMPULAN	51

BAB 5: RUMUSAN CADANGAN DAN KESIMPULAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
5.0	PENGENALAN	52
5.1	RUMUSAN BAB	52-53
5.2	RUMUSAN KAJIAN	54
5.3	CADANGAN KAJIAN MASA HADAPAN	55-56
5.4	KESIMPULAN	57

RUJUKAN: M/S 58-59

LAMPIRAN: M/S 60-61

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Pembuatan alat muzik kulintangan di Kudat, Sabah, Malaysia merupakan satu kemahiran tradisional yang diwarisi turun-temurun oleh masyarakat Borneo di rantau ini. Kulintangan adalah simbol budaya yang berharga dan bahagian penting dalam identiti muzik etnik Sabah. Proses pembuatan melibatkan tahap kemahiran, kepakaran dan kepercayaan yang tinggi terhadap nilai-nilai tradisional yang wujud dalam pembuatan alat muzik ini. Kajian ini mendokumentasikan teknik dan proses pembuatan alat muzik tradisional kulintangan. Bermula daripada pemilihan bahan sehingga ke peringkat arca dan bentuk, setiap langkah dalam membuat kulintangan memerlukan ketepatan untuk mencapai kualiti bunyi yang optimum. Pilihan logam seperti gangsa atau tembaga dan bentuk serta saiz setiap gong kecil memainkan peranan penting dalam menghasilkan nada yang unik dan harmoni. Selain itu, kajian ini juga menceritakan tentang kewujudan kulintangan dan menjelaskan repertua-repertua yang akan dimainkan dengan alat muzik kulintangan.

Kata Kunci: *Kulintangan, Kudat, alat muzik tradisional, teknik pembuatan, suku Borneo, repertua.*



ABSTRACT

The making of Kulintangan musical instruments in Kudat, Sabah, Malaysia is a traditional skill passed down from generation to generation by the people of Borneo in this region. Kulintangan is a precious cultural symbol and an important part of Sabah's ethnic musical identity. The manufacturing process involves a high level of skill, expertise and trust in the traditional values inherent in the manufacture of these musical instruments. This study documents the technique and process of making traditional musical instruments. Starting from the selection of material up to the level of sculpture and form, each step in making a Kulintangan requires precision to achieve optimal sound quality. The choice of metal such as bronze or copper and the shape and size of each small gong play an important role in producing a unique and harmonious tone. In addition, this study also tells about the existence of Kulintangan and explains the repertoires that will be played with Kulintangan musical instruments.

Keywords: Kulintangan, Kudat, traditional musical instruments, manufacturing techniques, Borneo tribe, repertoires.



BAB I

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum di mana terdapat pelbagai etnik, agama dan budaya yang hidup secara seiringan. Kumpulan etnik utama di Malaysia terdiri daripada Melayu, Cina, dan India. Masyarakat Melayu membentuk majoriti penduduk negara ini dengan Islam sebagai agama majoriti, manakala masyarakat Cina membawa budaya dan bahasa Mandarin serta menganuti agama seperti Buddha, Taoisme, dan Kristian. Masyarakat India pula membawa budaya, bahasa, dan tradisi Hindu, dan terdapat juga masyarakat India yang beragama Islam, Sikh, dan Kristian. Terdapat juga etnik-etnik minoriti seperti Orang Asli yang juga merupakan kumpulan etnik pribumi Malaysia, serta kumpulan-kumpulan etnik lain yang membawa budaya dan tradisi mereka sendiri ke negara ini. Kesepaduan antara kumpulan-kumpulan etnik ini adalah penting dalam identiti Malaysia, dengan prinsip-prinsip seperti "Rukun Negara" yang memperjuangkan keharmonian, kesetiaan kepada negara, dan integrasi di kalangan semua rakyat Malaysia, tanpa mengira latar belakang etnik, agama, atau budaya mereka.

Di Malaysia, kepelbagaian alat muzik mengikut suku kaum menampilkan warisan budaya yang kaya dan beraneka ragam. Setiap kumpulan etnik membawa serta alat muzik tradisional yang unik dan memainkan peranan penting dalam ekspresi seni, perayaan keagamaan, dan identiti budaya. Sebagai contoh, masyarakat Melayu menggunakan alat-alat muzik tradisional seperti gendang, serunai dan rebab dalam pelbagai acara budaya seperti pertunjukan silat dan upacara perkahwinan. Sementara itu, masyarakat Cina membawa alat-alat muzik seperti erhu, guzheng dan dizi yang sering digunakan dalam muzik tradisional Cina. Masyarakat India pula menghidupkan budaya mereka melalui alat-alat muzik seperti sitar, tabla, dan veena, yang menjadi ciri khas dalam muzik klasik India. Di kalangan masyarakat Orang Asli, alat muzik tradisional seperti sompoton digunakan dalam perayaan keagamaan dan acara-acara komuniti. Setiap alat muzik ini mempunyai keunikan tersendiri dan turut membentuk identiti budaya yang kaya di Malaysia. Melalui pemeliharaan dan penerusan tradisi ini, warisan budaya masyarakat etnik di Malaysia terus dijaga dan dihargai. Muzik tradisional Malaysia mempunyai latar belakang yang menarik, gabungan ritma dan intonasi muzik yang murni menjadi suatu melodi yang unik, peralatan muzik yang berlainan dan dimainkan sesuai dengan panorama tertentu.

Muzik tradisional Malaysia tidak akan lapuk dek zaman kerana masih lagi ada penggemar-penggemar muzik tradisional yang memperjuangkan irama ini.

Sabah yang dahulunya dikenali sebagai Borneo Utara British, kini menjadi negeri yang makmur di dalam Persekutuan Malaysia yang terletak di bahagian hujung utara pulau Borneo. Ia adalah tanah yang melimpah dengan keindahan dan sumber semula jadi dengan warisan budaya yang kaya dengan ekspresi muzik. Menurut Edward M. Frame, majoriti penduduk di Sabah terdiri daripada tiga kumpulan peribumi utama iaitu penempatan Islam termasuk kaum Bajau, Suluk, Illanun, Ubian, Binadan dan Melayu Brunei yang selalunya tinggal berhampiran di kawasan pantai dan di muara sungai. Kemudian kaum Dusun yang merupakan etnik terbesar daripada tiga kumpulan tersebut dan dikenali sebagai orang Kadazan di daerah Penampang dan Papar. Mereka ini hidup di tanah ladang yang kaya dengan dataran pantai dan menganut agama Kristian (kira-kira satu pertiga) atau animistik dan yang terakhir adalah kaum Murut, yang bersifat animistik dan kebanyakannya tinggal di pedalaman Sabah seperti Tenom.

Dengan adanya lebih daripada 30 entiti etnik yang berbeza, wujudnya pelbagai jenis muzik dan alat muzik yang dapat memperlihatkan negeri ini sangat unik. Hampir tidak ada upacara yang tidak memerlukan iringan muzik, di mana alat pilihan bagi penduduk di Borneo ialah gong. Perkara ini adalah wajar, kerana orang-orang Sabah sangat sukakan muzik dan ianya merupakan salah satu bahagian yang penting dalam setiap acara sosial terutama di perkampungan. Hal ini kerana, ia melambangkan keharmonian tradisional yang wujud dalam kalangan penduduk sepanjang tahun. Alat-alat muzik biasanya akan dimainkan semasa perayaan perkahwinan, majlis pertunangan, perayaan menuai, hari lahir pertama seorang anak, upacara keagamaan animisme dan acara lain yang berkaitan dengan kepentingan masyarakat. Setiap kumpulan etnik mempunyai bentuk muzik tersendiri walaupun beberapa alat utama adalah biasa kepada semua. Setiap kepingan instrumen biasanya dibuat, dipotong, dibentuk dan diuji bunyinya dengan penuh ketelitian. Perbezaan sering dijumpai dalam kombinasi instrumen yang berbeza, gaya tarian yang berbeza-beza, tempo dan talaan. Terdapat juga alat-alat muzik tertentu yang hanya ada di dalam komuniti individu dan tidak dikongsi dengan komuniti lainnya.

Negeri Sabah tidak ada sistem tradisional untuk mencatat muzik tradisional Sabah dan setiap perkataan untuk lagu juga tidak ditulis. Kesemua muzik dan lagu diperturunkan oleh tradisi dari generasi ke generasi alias seperti *Oral Tradition*. Selain itu, dari segi persembahan pula kedua-dua lelaki dan wanita membuat persembahan, tetapi instrumen tertentu secara tradisinya dikaitkan dengan setiap jantina. Sebagai contoh, lelaki pada

umumnya memainkan gong dan gendang bersaiz besar, manakala wanita pula memainkan kulintangan dan gong leper atau bersaiz kecil. Kebanyakan alat muzik Sabah diperbuat daripada produk semulajadi seperti tonglungon, turali, suling atau serunai, sompoton dan totunggak yang diperbuat daripada buluh. Manakala alat muzik seperti gambus, kompang dan gendang diperbuat daripada kulit kambing. Alat muzik gong dan kulintangan pula diperbuat daripada loyang atau besi dan sundatang diperbuat daripada kayu lembut yang ringan serta menyerupai gitar berbentuk memanjang dengan tiga tali giman. Tambahan pula, alat muzik di Sabah dikelaskan mengikut kordofon (tonglungon, gambus, sundatang atau gagayan), aerofon (suling-seruling, turali atau tunhi - seruling hidung, bungkau, kecapi, sompoton - organ mulut), idiofon (totunggak, gong, kulintangan) dan membranofon (kompang, gendang atau tontog).

Kajian mengenai alat-alat serta bentuk-bentuk muzik yang berkembang dalam sesebuah masyarakat merupakan satu usaha yang amat berfaedah untuk tujuan perbandingan di antara satu kawasan dengan satu kawasan lain. Tujuan kajian ini juga dapat mengemukakan satu gambaran yang jelas serta unik terhadap unsur dan dimensi seni budaya ekspresif masyarakat dan kaitannya dengan kegiatan masa lapang. Adapun di setiap negeri di Malaysia terdapat pelbagai jenis dan bentuk alat yang telah diwarisi, dicipta dan digunakan sejak berkurun-kurun lamanya. Untuk itu, bagi tujuan perbandingan dan kebenaran estetikanya adalah dicadangkan secara asas untuk melihatnya dari sudut apa yang disebut sebagai organgrafikal iaitu satu pengdiskripan bagi peralatan muzik yang mencakupi bahan-bahan asas yang digunakan untuk membuatnya, sistem klasifikasi, sistem skala, sistem talaan dan teknik penghasilan bunyi serta fungsi alat dalam sesebuah disiplin muzik mengikut kegunaan ensembelnya.

Alat muzik adalah sesuatu objek yang boleh digunakan untuk mencipta nada dan irama dan ianya akan dibuat dengan susunan tertentu untuk menghasilkan suatu bunyi yang indah. Menurut Kamus Dewan Bahasa, '*tradisional* merujuk kepada hal-hal yang berkaitan dengan tradisi, warisan dan budaya'. Alat muzik tradisional adalah alat muzik yang telah berkembang di sesuatu kawasan dan telah dibangunkan secara turun temurun dan ia juga dicipta atau dibuat di kawasan-kawasan tertentu. Hal ini turut membawa maksud bahawa alat muzik tradisional terhasil dari satu kawasan ke kawasan lain yang sememangnya akan berbeza dari segi bahan dan proses pembuatannya. Alat-alat muzik tradisional di negeri Sabah, Sarawak dan beberapa masyarakat dalam kalangan orang asli di bahagian Malaysia barat dikenali dengan bunyinya yang sangat unik. Perkara ini turut menarik perhatian ahli-ahli etnomuzikologi untuk mengkaji muzik yang semakin berubah sedikit sebanyak selama berabad-abad dengan daya hidup yang tidak terjejas hari ini. Bentuk-bentuk alat

muzik tradisional yang terdapat di negeri Sabah cenderung berbeza daripada di Semenanjung Malaysia.

Selain daripada itu, industri muzik menurut Padhi (2011), merujuk kepada sebarang perniagaan, perdagangan, perusahaan, pembuatan, atau panggilan untuk apa sahaja, termasuk perkhidmatan, pekerjaan, kraf, atau pekerjaan. Ia juga merujuk kepada aktiviti harian pekerja. O'Brien (2000) mendakwa bahawa muzik terdiri daripada pelbagai unsur. Bergantung pada yang mana satu daripada mereka menggunakannya dan cara ia dicampur yang menghasilkan bunyi berbeza. Muzik merangkumi tamadun sejarah, kepelbagaian sosial, dan sempadan antarabangsa. Selain itu, muzik menyumbang kepada budaya kreatif, kewujudan yang seimbang dan cemerlang, serta bertindak sebagai warisan dan warisan negara. Banyak yang boleh disimpulkan dalam perkataan "muzik" tetapi terdapat pelbagai jenis muzik kerana setiap identiti mempunyai budaya atau subbudaya sendiri. Masyarakat manusia sangat bergantung pada muzik. Selain mengiringi aktiviti seperti tarian untuk acara keagamaan, ia juga menawarkan hiburan dan pelepasan emosi.

Terdapat dua jenis muzik yang paling ketara dalam pandangan masyarakat, antaranya muzik yang dikaitkan dengan tarian manakala satu lagi dianggap sebagai muzik untuk bersantai yang selalunya bersifat peribadi. Tambahan itu, dari segi muzik untuk keseronokan individu didapati bahawa banyak instrumen-instrumen yang tidak pernah atau tidak dapat dimainkan secara berkumpulan dan hanya dapat dilakukan oleh seseorang individu. Sebagai contoh, alat muzik tradisional seperti *sompoton*, *bungkau*, *tongkungon* (sitar tiub yang diperbuat daripada buluh), *sundatang* (gitar yang bertali dua), *suling* dan *turali* (seruling hidung). Menurut Nettl (1956) "*dalam budaya primitif salah satu penggunaan muzik yang paling lazim ialah sebagai iringan tarian bukan agama*". Secara umumnya, alat muzik tradisional sering dijadikan muzik iringan di dalam mana-mana upacara penyembahan pada masa lalu dan kini masih ada yang menggunakannya walaupun sudah jarang berlaku. Di samping itu, majoriti persembahan di dalam majlis-majlis rasmi mahupun tidak rasmi di Sabah akan mempersembahkan tarian yang berkaitan dengan alat muzik tradisional seperti kulintangan dan gong.

Alat muzik Kulintangan ini pertama kali diperkenalkan ke barat Sabah oleh orang Brunei tetapi ia juga digunakan secara tradisi oleh orang Bajau dan beberapa orang Kadazandusun. Kulintangan merupakan sejenis alat perkusi daripada keluarga gong yang mempunyai busut, berukuran kecil dan diperbuat daripada gangsa ataupun perunggu. Kulintangan akan dimainkan dalam bentuk *ensemble* yang disertakan dengan alat-alat idiofon yang lain seperti tawak dan bandil daripada keluarga gong dan juga gendang yang

dipalu dengan kedudukan secara menegak dalam meraikan majlis perkahwinan. Ini kerana, dalam kesenian muzik, bertitik yang didapati berkembang di kalangan suku kaum Bajau. Muzik bertitik amat digemari oleh kalangan generasi tua dan ianya dikatakan berasal dari daerah Kota Belud. Kulintangan mempunyai pertalian rapat dengan alat kulintangan yang didapati berkembang di kepulauan Mindanao di selatan Filipina yang dipanggil sebagai *Kulintang*. Selain itu, ensembel muzik tradisional Kulintangan merupakan kumpulan alat muzik yang mengiringi persembahan tarian igal-igal secara tidak langsung. Terdapat dua jenis muzik bertindik yang dikenali oleh orang ramai iaitu *Pukulan Tidung* dan *Pukulan Kedidi*. Menurut Johan (2020), kepelbagaian tarikan alam semula jadi dan budaya warisan yang terdapat di Malaysia khususnya di negeri Sabah dapat memberi peluang yang cerah dalam sektor pelancongan di negeri tersebut.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Norbert Koupin, (2007), *'generasi muda masa kini masih menganggap bahawa alat muzik tradisional hanya sesuai dimainkan di dalam majlis pertunangan, perkahwinan, perayaan menuai padi, dan semasa upacara-upacara animisme dijalankan'*. Perkembangan zaman dan perubahan kegemaran budaya boleh menyebabkan penurunan minat generasi muda terhadap alat muzik tradisional seperti kulintangan. Ini boleh memberi kesan kepada mengurangkan amalan membuat dan menggunakan kulintangan pada masa hadapan. Tidak mudah untuk mengenal pasti apa yang ada di dalam pemikiran generasi muda. Ini kerana dengan berlakunya perubahan zaman kemodenisasi yang boleh mengubah pemikiran mereka tanpa disedari. Hal ini sama berlakunya seperti alat muzik tradisional yang semakin kurang dinaikkan martabatnya terutama alat muzik seperti Sundatang, Kulintangan, Bungkau dan banyak lagi. Dengan itu, kajian ini memperlihatkan serta ingin memahami masyarakat bahawa pentingnya dalam menjaga warisan tradisi agar tidak mudah ditelan zaman era permodenan ini.

Selain itu, proses-proses dalam pembuatan alat muzik Kulintangan tidaklah mudah dan perlu dipraktikkan atau dilatih dari awal agar ianya dapat memenuhi kriteria dari segi kualiti, keindahan dan keunikan yang tersendiri. Tidak semua orang tahu mengenai proses-proses pembuatan alat muzik moden apatah lagi alat muzik tradisional. Hal ini kerana, beberapa masyarakat yang tinggal di kawasan bandar tidak mengambil endah tentang proses pembuatan alat muzik tradisional berbanding dengan masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar. Selain daripada perubahan zaman yang menyebabkan generasi kini semakin sukar untuk menimbah ilmu berkaitan proses pembuatan ini, kurangnya didikan tentang sejak kecil daripada orang tua juga turut menjadi penyebab generasi kini tidak tahu akan hal tersebut. Di samping itu, sebelum proses pembuatan dimulakan bahan-bahan yang diperlukan juga agak senang untuk didapati dan orang ramai hanya perlu mengikuti setiap langkah yang betul semasa pemprosesan alat muzik berlaku. Menurut Rosli (2013) *"pengaruh muzik barat pada pertengahan abad ke-20 telah menjejaskan kemajuan alat muzik tradisional. Hal ini kerana, apabila mereka lebih cenderung kepada keseronokan sahaja tanpa menghayati setiap irama alat muzik tersebut"*. Kajian ini dijalankan agar dapat membantu mahupun didedahkan kepada para pengkaji luar dan masyarakat tentang pemprosesan sesuatu alat muzik tradisional dengan lebih teliti dan mendalam.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian telah digubal untuk menjawab pernyataan masalah yang dinyatakan dalam kajian ini:-

- I. Apakah sejarah alat muzik Kulintangan?
- II. Apakah teknik pembuatan alat muzik Kulintangan berlaku?
- III. Apakah repertua yang dimainkan dengan alat muzik Kulintangan?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Untuk menjawab persoalan kajian beberapa objektif telah disediakan:-

- I. Mengenalpasti kewujudan alat muzik Kulintangan di Kudat, Sabah.
- II. Mengkaji teknik pembuatan alat muzik Kulintangan di Kudat, Sabah.
- III. Membincangkan tentang repertua yang dimainkan dengan alat muzik Kulintangan.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Terdapat beberapa kepentingan yang di dalam kajian ini yang melibatkan individu, masyarakat dan negara.

1.4.1 INDIVIDU

Melanjutkan penelitian ini, individu dapat menambah pengetahuan tentang proses pembuatan alat muzik tradisional dan mampu memberikan perspektif baru dan berbeza tentang warisan muzik Sabah. Melalui kajian ini, pengkaji dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang sejarah, repertoire lagu dan proses pembuatan Kulintangan. Khususnya masyarakat muda iaitu para pelajar yang merupakan golongan penting dalam membantu kerajaan untuk menyebarkan minat tentang alat-alat muzik tradisional Sabah kepada masyarakat. Selain itu, penelitian ini dapat menanamkan semangat cinta akan warisan seni persembahan dalam diri setiap orang sehingga setiap nilai warisan dapat dipertahankan, diteruskan dan diwariskan kepada generasi akan datang.

Melalui pemahaman tentang proses pembuatan alat muzik ini, individu dapat memperkaya pengetahuan mereka tentang budaya tempatan dan tradisi yang berkaitan. Ini membantu memperkuat identiti budaya dan penghargaan terhadap warisan nenek moyang. Selain itu, kajian ini juga memberikan peluang kepada individu untuk mengembangkan kemahiran praktikal. Proses pembuatan alat muzik kulintangan melibatkan pelbagai teknik seperti pemilihan bahan, ukiran, dan penyusunan. Dengan demikian, individu dapat menambah baik kemahiran kraf tangan mereka, serta memahami dengan lebih mendalam tentang penggunaan bahan-bahan tradisional.

Tidak hanya itu, kajian ini juga merangsang kreativiti dan inovasi individu. Dengan memahami proses pembuatan, mereka dapat mencipta variasi baru dalam reka bentuk alat muzik kulintangan, yang pada gilirannya dapat menghidupkan semula tradisi dengan sentuhan kontemporari. Pentingnya kajian ini juga terletak pada pembangunan kemahiran sosial. Proses pembuatan alat muzik kulintangan sering melibatkan kerjasama antara pembuat alat muzik, pemain muzik, dan masyarakat tempatan. Ini membantu dalam memperkuat hubungan sosial, kerja berkumpulan dan saling

menghargai sesama individu. Secara keseluruhan, kajian ini tidak hanya memberikan faedah kepada individu, tetapi juga memainkan peranan penting dalam melestarikan warisan budaya, membangunkan kemahiran praktikal, memperkukuh identiti budaya, dan mempererat hubungan sosial dalam masyarakat.

1.4.2 MASYARAKAT

Kulintang adalah salah satu alat muzik yang tidak banyak dijadikan sebagai kajian. Oleh itu, pengkaji dapat memberikan sedikit sebanyak maklumat kepada masyarakat tentang proses pembuatan alat muzik tradisional yang berunsurkan besi. Kajian ini bertujuan sebagai maklumat sokongan sekiranya ada masyarakat yang ingin tahu atau ingin membuat kajian baru yang berkonsepkan proses pembuatan alat muzik. Melalui kajian ini, masyarakat dapat memahami betapa pentingnya pengetahuan tentang proses pembuatan alat muzik. Bahan dan peralatan yang digunakan untuk menghasilkan sebuah alat muzik Kulintang tidak terhad dan mudah didapati. Untuk menjamin kelestarian Kulintang ini, masyarakat perlu mencari tahu dan mengambil berat tentang proses-proses pembuatan alat muzik ini.

Kajian ini membolehkan pelestarian warisan budaya dalam masyarakat. Dengan memahami teknik pembuatan alat muzik kulintang, masyarakat dapat mengekalkan tradisi dan nilai-nilai budaya yang telah diwarisi dari generasi ke generasi. Selain itu, kajian ini juga memberikan sumbangan kepada ekonomi tempatan. Pengeluaran dan penjualan alat muzik kulintang boleh menjadi sumber pendapatan penting bagi masyarakat setempat. Dengan meningkatkan kualiti alat muzik yang dihasilkan melalui pemahaman terhadap teknik pembuatan, ini dapat mendorong pertumbuhan ekonomi di peringkat tempatan.

Proses pembuatan alat muzik ini sering melibatkan kerjasama antara anggota masyarakat. Ini tidak hanya memperkukuh hubungan antara individu, tetapi juga membina rasa kesetiaan dan kebersamaan dalam masyarakat. Selain itu, kajian ini memainkan peranan dalam pembangunan kemahiran. Melalui pemahaman tentang teknik pembuatan alat muzik, masyarakat dapat mengembangkan kemahiran dalam kerajinan tangan seperti pemilihan bahan,

teknik ukiran, dan perakitan. Perkara ini membuka peluang untuk memperoleh pekerjaan baru dan meningkatkan kemahiran kerja.

Di samping itu, kajian ini turut berpotensi dalam memajukan industri pelancongan budaya. Alat muzik kulintangan yang berkualiti dan menarik dapat menarik minat pelancong untuk mengunjungi kawasan tersebut, mempromosikan budaya tempatan kepada dunia luar dan pada gilirannya memberi manfaat kepada ekonomi tempatan. Terakhir, kajian ini juga dapat memperkukuh identiti masyarakat. Alat muzik kulintangan sering kali dianggap sebagai lambang identiti bagi masyarakat tempatan di Sabah. Dengan mempelajari teknik pembuatannya, masyarakat dapat memperkukuhkan rasa identiti dan kebanggaan terhadap budaya mereka sendiri, serta meningkatkan kesedaran akan pentingnya melestarikan warisan budaya tersebut.

1.4.3 NEGARA

Melalui kajian ini, alat muzik tradisional di Sabah semakin kurang diminati dan dimainkan terutama dalam kalangan generasi baru. Kajian ini melaporkan tentang proses pembuatan alat muzik tradisi Kulintangan dan secara faktanya, setiap alat muzik tradisional memainkan peranan yang amat penting sebagai lambang keagungan masyarakat dan negara. Selain itu, dari segi ekonomi, negara menjadi alat muzik tradisional sebagai salah satu perhatian yang dapat menarik perhatian pelancong dari pelbagai negara dan tempat. Dengan ini, penajaan negara dijangka akan meningkat sekiranya perkara ini terus berlaku.

Kajian ini mengukuhkan identiti budaya negara. Alat muzik kulintangan merupakan lambang penting warisan budaya Asia Tenggara seperti Malaysia, Indonesia, dan Brunei. Dengan memahami dan mengekalkan teknik pembuatan alat muzik ini, negara dapat memastikan pelestarian warisan budaya yang kaya, yang pada gilirannya memperkukuh identiti nasional dan kebangsaan. Seterusnya, kajian ini memberi dorongan kepada ekonomi negara melalui pembangunan industri kreatif. Dengan menumpukan kepada teknik pembuatan alat muzik kulintangan, negara dapat meningkatkan kualiti dan inovasi dalam penghasilan alat muzik tersebut. Ini tidak hanya membantu meningkatkan pendapatan tempatan melalui jualan dalam negara, tetapi juga

membuka peluang eksport ke pasaran antarabangsa menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan.

Selain itu, kajian ini berpotensi memperluaskan industri pelancongan budaya negara. Alat muzik kulintangan sering menjadi tarikan utama bagi pelancong yang ingin mendalami budaya tempatan. Dengan mempromosikan kajian mengenai teknik pembuatan alat muzik ini, negara dapat menarik lebih banyak pelancong, menyumbang kepada pertumbuhan industri pelancongan serta peningkatan pendapatan dalam sektor ini. Pentingnya kajian ini juga terletak pada pembangunan sumber daya manusia. Melalui latihan dan pendidikan dalam teknik pembuatan alat muzik kulintangan, negara dapat menghasilkan tenaga kerja berkualiti tinggi dalam industri kreatif. Ini tidak hanya memberi manfaat kepada individu dengan meningkatkan kemahiran mereka, tetapi juga kepada negara dengan meningkatkan daya saing dan produktiviti dalam sektor ini. Kajian ini turut berperanan dalam diplomasi budaya. Budaya merupakan aspek penting dalam hubungan antarabangsa, dan pemahaman bersama tentang warisan budaya dapat memperkuat hubungan diplomatik. Melalui kerjasama dalam kajian dan pertukaran budaya, negara dapat memperkukuhkan persahabatan dan kerjasama antarabangsa dengan negara lain.


1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini menekankan tentang proses pembuatan alat muzik tradisional Kulintangan di Kudat, Sabah. Melalui kajian ini, pengkaji mengenal pasti kajian ini memberi tumpuan kepada teknik pembuatan tradisional yang digunakan dalam proses membuat alat muzik Kulintangan. Ini termasuklah proses pemilihan bahan baku, teknik pemahatan, pahatan, dan *finishing look* alat muzik serta bahan-bahan tradisional yang digunakan oleh tukang membuat alat muzik Kulintangan. Selain itu, pemprosesan alat muzik Kulintangan ini dapat dilihat secara tidak langsung melalui bahan-bahan yang digunakan sama ada ianya senang ataupun sukar untuk dibuat. Hal ini kerana, bahan yang menggunakan zink akan mudah dan cepat untuk dihasilkan dan hanya mengambil masa paling cepat selama sehari. Manakala, bahan yang menggunakan bahan seperti tembaga dan besi akan mengambil masa yang agak lama daripada jangkaan.

Kajian juga akan meneliti peranan dan pengetahuan warisan dalam menjaga tradisi pembuatan alat muzik kulintangan di Kudat, Sabah. Ini termasuklah peranan tukang membuat alat musik tradisional serta cara mereka mengekalkan pengetahuan dan kemahiran yang diwarisi dari generasi ke generasi. Di samping itu, pengkaji menjalankan kajian ini adalah disebabkan perbezaan selama proses pembuatan alat muzik tradisional Kulintangan yang ketara di antara beberapa suku kaum. Pengkaji memilih daerah Kudat untuk mengumpul maklumat dan data yang berkaitan dengan tajuk kajian. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah temubual dan pemerhatian. Kaedah temubual yang dilakukan adalah temubual secara bersemuka, informal dan semi-struktur. Kaedah pemerhatian pula adalah pemerhatian tidak turut serta. Kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder di dalam pengumpulan data.

Skop lokasi kajian yang pengkaji pilih juga agak strategik kerana lokasi tersebut dikenali oleh ramai orang mahupun para pelancong yang datang iaitu di Kampung Sumangkap, Kudat, Sabah. Kampung ini dipenuhi dengan alat-alat muzik tradisional seperti gong, kulintangan dan banyak lagi. Setiap rumah yang ada di kampung tersebut mempunyai alat muzik tradisional yang dihasilkan oleh mereka sendiri. Ini juga disebabkan pengkaji mempunyai kenalan yang dapat membantu dalam menjalankan sesi temu bual dengan pembuat alat muzik di kawasan tersebut. Di samping itu, pengkaji turut membuat '*research*' yang lebih teliti tentang asal usul alat muzik tradisional Kulintangan ini. Akibat tidak ramai yang membuat kajian mengenai proses pembuatan alat muzik Kulintangan ini, pengkaji berharap agar orang ramai serba sedikit dapat mengambil ilmu pengetahuan tentang

sejarah Kulintangan. Kajian ini berfokuskan tiga objektif kajian yang telah dinyatakan untuk memperlihatkan betapa pentingnya kajian ini kepada individu, masyarakat dan negara.



Gambar 1: Peta Kampung Sumangkap

MALAYSIA
KELANTAN



Gambar 2: Lokasi Kajian



Gambar 3: Kilang Gong, Kampung Sumangkap

1.6 BATASAN KAJIAN

Terdapat beberapa keterbatasan kajian ini, iaitu yang pertama, penelitian ini hanya memberi tumpuan khusus kepada teknik pembuatan alat muzik kulintangan di Kudat, Sabah. Pemilihan kawasan ini bertujuan untuk mengkaji amalan khusus dan keunikan pembuatan kulintangan yang dikaitkan dengan suku kaum Borneo di rantau ini. Seterusnya, kajian ini akan memfokuskan kepada kaedah tradisional dalam membuat kulintangan, penerokaan teknik dan ilmu yang telah diwarisi secara turun temurun oleh masyarakat yang membuat kulintangan di Sabah. Aspek seperti pemilihan bahan, proses ukiran dan teknik pemasangan akan menjadi perhatian utama dalam penyelidikan ini. Dengan batasan kajian yang jelas, kajian tentang teknik pembuatan alat muzik kulintangan di Sabah dapat memberikan gambaran yang mendalam tentang keunikan budaya dan kesenian yang wujud di rantau ini, di samping menyumbang kepada usaha memelihara warisan budaya suku kaum Borneo.



BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Bab dua menerangkan tentang teori dan kajian lepas yang berkaitan dengan sejarah dan proses dalam menghasilkan Kulintangan di Sabah. Bab ini terbahagi kepada tujuh bahagian utama iaitu: pertama adalah mengenai definisi seni persembahan; kedua ialah mengenai sorotan kajian lepas dan yang ketiga adalah mengenai definisi alat muzik tradisional secara menyeluruh. Bahagian keempat pula menceritakan tentang jenis-jenis alat muzik tradisional yang terdapat di Sabah. Bahagian kelima bagi bab ini menjelaskan mengenai teknik-teknik pembuatan alat muzik tradisional. Bahagian keenam pula menjelaskan reka bentuk dan jenis bunyi Kulintangan dan yang terakhir bahagian ketujuh yang menerangkan tentang kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini.

2.1 DEFINISI SENI PERSEMBAHAN

Seni persembahan sebagai salah satu warisan tidak ketara yang merujuk kepada bentuk seni yang biasanya menampilkan persembahan muzik tradisional, tarian dan teater. Persembahan teater tradisional adalah persembahan yang menggabungkan lakonan, nyanyian, tarian, lagu, dialog dan penceritaan. Seni persembahan tradisional bukan hanya sekadar persembahan kepada penonton yang menonton tetapi ianya memainkan peranan sebagai hiburan untuk masyarakat ketika menjalankan kerja pertanian dan menjadi muzik di dalam sesebuah ritual (UNESCO, 2003). Bentuk seni ini selalunya merangkumi unsur pergerakan, bunyi, kesan visual dan penglibatan emosi, menunjukkan bakat dan kemahiran seorang artis yang menghidupkan visi artistik mereka di atas pentas atau di hadapan kamera.

Dalam seni persembahan, artis sering berlatih dan memproses untuk mencapai tahap kepakaran dan kualiti persembahan yang tinggi supaya mereka dapat menyampaikan karya seni dengan sewajarnya dan menarik perhatian penonton. Seni persembahan juga memberi peluang kepada artis untuk mengekspresikan diri mereka, mencipta makna dan berkongsi cerita atau pandangan mereka kepada dunia, mencipta pengalaman yang tidak dapat dilupakan untuk penonton dan memperkayakan kehidupan mereka melalui seni.

Seni persembahan memainkan peranan penting dalam budaya dan masyarakat, menghubungkan orang dengan emosi dan pengalaman manusia yang mendalam, serta memberi ruang untuk refleksi, hiburan, dan penghargaan terhadap keindahan. Ia juga merupakan cara yang kuat untuk menyampaikan mesej sosial, politik, atau budaya kepada masyarakat. Kegiatan seni persembahan juga memberi peluang kepada seniman untuk mengekspresikan kreativiti mereka, berkongsi karya mereka dengan dunia, dan mengembangkan diri mereka sebagai profesional dalam bidang seni. Dengan demikian, seni persembahan memainkan peranan yang penting dalam memperkaya kehidupan manusia dan mempromosikan pemahaman yang lebih mendalam tentang dunia di sekeliling kita.

2.2 WARISAN BUDAYA KULINTANGAN

Warisan budaya kulintangan memainkan peranan penting dalam landskap kebudayaan Malaysia, khususnya di kalangan masyarakat Sabah dan Sarawak. Kulintangan tidak hanya menjadi alat muzik tradisional, tetapi juga mewakili nilai-nilai budaya dan identiti etnik yang kaya. Secara tradisional, kulintangan dimainkan dalam pelbagai upacara keagamaan, perayaan budaya, dan acara komuniti, seperti dalam pesta Kaamatan di Sabah atau Gawai di Sarawak, menunjukkan kepentingannya dalam konteks keagamaan dan kebudayaan masyarakat tempatan. Seni persembahan kulintangan melibatkan kemahiran dan kecekapan dalam teknik bermain, serta pemahaman yang mendalam terhadap adat dan tradisi yang terkait dengannya. Warisan kulintangan disampaikan secara turun-temurun melalui sistem pengajaran dan pembelajaran tradisional, memastikan kelestarian dan penyampaian budaya ini dari generasi ke generasi. Usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya ini melibatkan aktiviti penyelidikan, pengumpulan bahan dokumentasi, serta promosi dan penyelenggaraan acara-acara seni budaya yang berkaitan. Melalui kegiatan ini, masyarakat dan pihak berkepentingan berusaha memastikan warisan budaya kulintangan terus dikenali, dihargai, dan dipelihara bagi manfaat generasi akan datang.

2.3 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian yang dijalankan oleh Nurfarain A. R., Mohd S. E., Saifulazry M. dan Sharifah D. S. A., (2022) yang berkaitan tentang melestarikan alat muzik tradisional Kulintangan dan Gambus sebagai seni alat muzik. Para pengkaji cuba untuk mengekalkan skop kajian mereka iaitu di Pantai Barat, Sabah bagi mengekalkan alat muzik sebagai kesenian tradisi kaum Melayu Brunei. Pengkaji juga turut membincangkan persepsi kaum Melayu dalam penerimaan seni alat muzik sebagai tradisi turun temurun. Kajian mengenai melestarikan alat muzik tradisional seperti Kulintangan dan Gambus sebagai seni alat muzik menitikberatkan peranan penting dalam memelihara warisan budaya dan seni muzik tempatan. Alat muzik tradisional ini bukan sekadar menjadi sebahagian daripada identiti budaya masyarakat, tetapi juga merupakan warisan yang perlu dijaga agar tidak terlupakan. Kajian ini turut menekankan peranan dan fungsi Kulintangan dan Gambus dalam kehidupan masyarakat tradisional, baik dalam konteks seni persembahan mahupun dalam upacara keagamaan dan acara sosial.

Aspek teknik pembuatan dan pembelajaran juga menjadi tumpuan penting dalam kajian ini, dengan tujuan untuk mengekalkan kemahiran tradisional dalam membuat dan memainkan alat muzik ini serta mendorong pembelajaran generasi muda tentang warisan budaya mereka. Ancaman terhadap kelestarian, seperti pengaruh globalisasi dan modernisasi, turut diberi perhatian dalam kajian ini, sambil menekankan pentingnya pendidikan dan kesedaran masyarakat dalam menjaga kelestarian Kulintangan dan Gambus. Penerokaan mengenai peranan teknologi dalam pelestarian juga diberikan perhatian dengan menggunakan rakaman audio, video, dan platform digital lain untuk menyebarkan pengetahuan dan apresiasi terhadap Kulintangan dan Gambus kepada masyarakat yang lebih luas. Dengan pendekatan holistik ini, kajian ini memberikan pandangan yang komprehensif tentang strategi yang efektif untuk melestarikan alat muzik tradisional sebagai seni alat muzik.

Selain itu, kajian yang telah dibuat oleh Ronald Y. B. dan Jedol D. (2002) menyatakan bahawa kajian ini berkaitan dengan kaedah pembuatan Kulintangan di Sabah khususnya di daerah Kudat. Kajian ini turut melibatkan pemahaman yang mendalam tentang bahan-bahan yang digunakan, proses pembuatan serta peralatan yang digunakan oleh tukang membuat Kulintangan di Sabah. Penggunaan bahan baku tempatan juga ditekankan dengan kajian yang melibatkan jenis kayu, logam, atau bahan lain yang biasa digunakan dalam pembuatan Kulintangan, serta keberkesanan dan kelestarian sumber-sumber bahan baku tersebut. Tambahan pula, melibatkan peringkat-peringkat penting dalam pembuatan alat tersebut termasuk ciri-ciri parameter fizikal dan sifat akustiknya iaitu frekuensi bunyi daripada alat

tersebut. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa terdapat satu perhubungan di antara dimensi gong cerek Kulintangan dengan frekuensi bunyi yang dihasilkan oleh mereka. Kajian mengenai kaedah pembuatan Kulintangan di Sabah menekankan beberapa aspek yang penting dalam proses tersebut. Pertama sekali, pentingnya mengekalkan dan memahami tradisi serta warisan budaya yang terkandung dalam pembuatan Kulintangan di Sabah ditekankan. Ini melibatkan kajian mendalam tentang sejarah, nilai budaya, dan peranannya dalam kehidupan masyarakat tempatan.

Seterusnya, kajian yang telah dilakukan oleh Sahwati U., (2018) menyatakan bahawa kajian beliau adalah mengenai tindak balas alat muzik Kulintangan terhadap cahaya laser. Kajian ini memberikan fokus kepada perpaduan antara seni tradisional dan inovasi teknologi dan meneroka bagaimana cahaya laser mempengaruhi suara dan estetika Kulintangan. Ia melibatkan kajian mendalam untuk memahami bagaimana cahaya laser mempengaruhi karakter bunyi alat muzik serta memberikan dimensi visual baru kepada pengalaman mendengar dan melihat. Pengkaji menggunakan pendekatan instrumen muzik sebagai medium bagi menekankan isu asal usul individu. Pengkaji juga membawa konsep *interdisiplin* seni untuk mengangkat semula simbolik budaya yang semakin ditelan arus pemodenan. Hal ini kerana, agar generasi yang akan datang dapat mengenali budaya warisan dan asal usul masing-masing. Tambahan juga, pengkaji ada membuat kajian mengenai proses pembuatan alat muzik Kulintangan.

Di samping itu, kajian ini menekankan peranan teknologi sebagai alat ekspresi seni dalam pembuatan alat muzik. Penggunaan cahaya laser dapat dianggap sebagai langkah kreatif untuk menyatukan elemen tradisional dengan unsur-unsur moden, memberikan ruang ekspresi yang lebih luas kepada seniman. Kajian juga memberi perhatian kepada penerimaan dan reaksi masyarakat terhadap penggunaan cahaya laser dalam persembahan Kulintangan. Penilaian terhadap respon masyarakat terhadap gabungan teknologi moden dengan seni tradisional memberikan pandangan tentang bagaimana pendekatan ini diterima dan difahami oleh khalayak. Dengan memberikan penekanan pada aspek-aspek tersebut, kajian ini membuka ruang untuk pemahaman yang lebih mendalam tentang interaksi antara warisan budaya tradisional dan teknologi moden dalam konteks seni muzik.

KELANTAN

2.3.1 ALAT MUZIK TRADISIONAL

Adat dan budaya masyarakat Melayu mempunyai unsur-unsur kesenian yang sangat tinggi nilainya. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan kepada warisan instrumen-instrumen muzik yang diperturunkan kepada masyarakat. Alat muzik tradisional merupakan alat muzik yang dimainkan oleh rakyat jelata di suatu wilayah atau negara. Ianya sering diperbuat dengan menggunakan tangan dan setiap instrumen mempunyai sejarah dan simbolisme yang tersendiri. Alat muzik tradisional selalunya mempunyai kaitan yang mendalam dengan budaya dan sejarah orang yang memainkannya. Alat muzik tradisional sering digunakan untuk pelbagai tujuan seperti hiburan, tarian, upacara keagamaan dan kerohanian. Namun, tidak dinafikan bahwa melodi dan nada yang terhasil begitu unik dan tidak mempunyai taranya dalam dunia muzik moden. Di samping itu, alat-alat muzik tradisional ini diturunkan dari generasi ke generasi untuk memastikan tradisi dan sejarah orang yang memainkannya terus hidup.

Kulintangan adalah alat muzik tradisional suku kaum Borneo di Sabah, Malaysia. Alat muzik ini terdiri daripada siri gong logam yang diletakkan melintang pada tali kayu atau penyokong. Kebiasaannya, kulintangan di Sabah terdiri daripada 8 hingga 9 gong logam yang disusun bersebelahan. Seterusnya, gong logam kulintangan di Sabah biasanya diperbuat daripada tembaga atau gangsa, dan setiap gong berbeza saiz dan ketebalannya, sehingga menghasilkan not yang berbeza apabila dimainkan. Alat ini dimainkan menggunakan pemukul atau kayu yang diperbuat daripada kayu atau buluh, dan pemain memukul gong logam dengan teknik khas untuk menghasilkan corak bunyi yang harmoni dan indah. Kulintangan di Sabah mempunyai peranan penting dalam pelbagai acara kebudayaan dan tradisi masyarakat Borneo. Alat ini digunakan dalam upacara tradisional, perayaan kebudayaan, upacara keagamaan, acara rakyat dan persembahan seni. Selain itu, kulintangan juga berfungsi sebagai penyampai mesej, memperingati peristiwa penting, menghormati nenek moyang, dan mengekalkan hubungan harmoni dengan alam dan alam sekitar. Kepentingan memelihara kulintangan di Sabah sebagai alat muzik tradisional merupakan cabaran dalam menangani kesan pemodenan dan perubahan sosial. Oleh itu, usaha melestarikan budaya dan kesenian kulintangan amat penting bagi mengekalkan identiti budaya masyarakat Borneo di Sabah dan memastikan warisan budaya ini terus hidup dan relevan untuk generasi akan datang.

2.3.2 JENIS-JENIS ALAT MUZIK TRADISIONAL

Salah satu warisan seni Melayu tertua di Malaysia ialah muzik tradisional dengan instrumen iringan di mana ilmu diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Pada masa kini, mereka masih tampil sebagai medium komunikasi dan hiburan dengan melengkapkan seni persembahan dalam masyarakat setempat (Kechot 2013). Sejak itu, kewujudan alat muzik melambangkan bukti kebijaksanaan dan kefahaman masyarakat tempatan lama tentang keperluan sosial. Yang biasa ialah cak lempong, gambus, gendang, gong, kompang, seruling, rebab dan rebana. Mereka menghasilkan kepelbagaian akustik yang luas dengan nada, melodi dan irama yang berbeza-beza. Sebagai alternatif, bunyi boleh ditukar dan diperhatikan dalam siri masa dan domain frekuensi (Darji 2017). Sebarang perubahan ciri fizikal berkenaan komponen kekerapan masa, seperti keamatan dan kekerapan mengujakan, boleh dicapai dengan mudah. Selanjutnya, mereka boleh diterangkan secara berangka dengan statistik deskriptif, yang terutamanya menggunakan ukuran statistik untuk mengukurnya sebagai ciri isyarat (Chaudhary & Kakarwal 2019).

Terdapat banyak jenis alat muzik tradisional yang merupakan sebahagian daripada kekayaan budaya dan warisan etnik rakyat Malaysia. Antaranya adalah gamelan melayu yang merupakan satu bentuk ensemble alat muzik tradisional yang terdiri daripada gong, kenong, gendang, rebab, corong, dan pelbagai alat lain. Gamelan Melayu sering digunakan dalam pelbagai persembahan kesenian dan upacara tradisi di Malaysia.

- Seruling: Seruling adalah alat tiup tradisional yang diperbuat daripada buluh. Alat muzik ini sering digunakan dalam muzik tradisional Melayu dan pelbagai suku kaum pribumi di Malaysia.
- Rebana: Rebana adalah alat perkusi tradisional yang berbentuk bulat dan mempunyai selaput kulit yang dipukul dengan tangan. Rebana digunakan dalam muzik dan tarian Melayu Islam serta dalam persembahan keagamaan.
- Angklung: Angklung adalah alat muzik tradisional suku kaum Melayu di Malaysia yang diperbuat daripada buluh. Alat muzik ini menghasilkan bunyi dengan menggoncangnya dan sering dimainkan pada acara rakyat dan perayaan kebudayaan.

- Kompang: Kompang adalah alat perkusi tradisional yang digunakan dalam pelbagai acara keagamaan dan perayaan di Malaysia. Alat ini diperbuat daripada kayu dan mempunyai selaput kulit yang dipukul dengan tangan.
- Gong: Gong adalah alat muzik tradisional yang diperbuat daripada logam dan digunakan dalam pelbagai upacara tradisi dan persembahan kesenian oleh penduduk Borneo di Sabah dan Sarawak.
- Sape: Sape adalah alat muzik tradisional suku Dayak di Sarawak, Malaysia. Alat muzik ini adalah sejenis kecapi yang diperbuat daripada kayu dan sering dimainkan dalam muzik dan tarian tradisional Dayak.
- Bongos: Bongos ialah alat perkusi tradisional dari suku Orang Asli di Malaysia. Alat ini diperbuat daripada kayu berongga dan mempunyai selaput kulit yang dipukul dengan tangan.
- Tapi: Tapi adalah alat muzik tradisional suku Orang Asli di Malaysia yang diperbuat daripada buluh. Alat muzik ini digunakan dalam muzik dan tarian tradisional Orang Asli.

Itulah beberapa contoh jenis alat muzik tradisional di Malaysia. Setiap instrumen ini mencerminkan kepelbagaian budaya dan warisan etnik Malaysia yang kaya dan merupakan bahagian penting dalam identiti dan warisan budaya negara.

2.3.3 TEKNIK PEMBUATAN ALAT MUZIK TRADISIONAL

Teknik pembuatan alat muzik kulintangan di Sabah melibatkan beberapa langkah yang rumit dan memerlukan kemahiran khusus daripada tukang tradisional. Berikut adalah beberapa peringkat dalam proses pembuatan alat muzik kulintangan di Sabah.

Peringkat awal dalam membuat kulintangan ialah memilih bahan yang betul. Gong logam di kulintangan biasanya diperbuat daripada tembaga atau gangsa. Penukang atau pembuat mesti memilih bahan dengan teliti, memastikan kualiti dan ciri bunyi yang diinginkan dalam membuat gong kecil. Setelah bahan dipilih, gong logam diukir dengan teliti oleh tukang. Teknik arca ini melibatkan ukiran permukaan logam untuk mencapai ketebalan yang sesuai untuk menghasilkan not yang betul apabila dimainkan. Selepas gong logam diukir, langkah seterusnya ialah memasang dan menyusun gong

logam mengikut urutan yang sesuai. Penukang akan memilih susunan dan kedudukan setiap gong dalam siri kulintang yang akan mempengaruhi pic bunyi yang dihasilkan apabila dipukul. Gong logam yang telah dipahat dan disusun mengikut kedudukan yang sepatutnya kemudiannya dipasang pada rangkaian kayu atau penyokong. Penukang akan memastikan setiap gong logam dipasang dengan kukuh dan tepat untuk menghasilkan bunyi yang dikehendaki. Selepas pemasangan litar selesai, langkah seterusnya ialah menguji bunyi kulintangan yang baru dibuat. Penukang akan memukul setiap gong logam dengan pemukul atau kayu untuk memastikan setiap gong menghasilkan bunyi dan harmoni yang betul mengikut piawaian tradisional. Peringkat akhir, tukang boleh mengaplikasikan warna dan hiasan pada kulintangan. Warna dan hiasan ini lazimnya membawa makna simbolik dan tradisional yang penting kepada masyarakat suku Borneo di Sabah.

Teknik membuat kulintangan di Sabah melibatkan kemahiran dan ilmu khas yang diturunkan secara turun-temurun. Setiap langkah dalam proses pembuatan mesti dipertimbangkan dengan teliti untuk mencipta kulintangan yang mempunyai kualiti bunyi yang unik dan menepati piawaian budaya dan tradisi masyarakat Borneo.

2.3.4 REKA BENTUK DAN JENIS BUNYI KULINTANGAN

Reka bentuk dan bunyi kulintangan di Sabah sangat tersendiri dan berbeza dengan jenis kulintangan di Filipina. Di Sabah, kulintangan terdiri daripada beberapa gong logam yang diletakkan melintang pada tali kayu atau penyangga. Berikut adalah penjelasan lanjut mengenai reka bentuk dan jenis bunyi kulintangan di Sabah.

Reka bentuk dari segi susunan gong, kulintangan di Sabah lazimnya terdiri daripada 8 hingga 9 gong logam yang disusun bersebelahan. Setiap gong mempunyai saiz dan ketebalan yang berbeza untuk menghasilkan not yang berbeza apabila dimainkan. Seterusnya, bahan gong logam Kulintangan di Sabah umumnya diperbuat daripada tembaga atau gangsa. Bahan ini dipilih kerana mempunyai ciri bunyi yang diingini dan tahan cuaca serta boleh digunakan dalam jangka masa yang lama. Selain itu, gong logam dipasang pada tali kayu atau penyokong yang membentuk keseluruhan kulintangan.

Sokongan ini berfungsi untuk menyokong gong logam dan memastikan kedudukan dan ketinggian gong seperti yang dikehendaki.

Jenis bunyi dalam bentuk pentatonik. Kulintangan di Sabah biasanya mengikut skala pentatonik yang bermaksud ia terdiri daripada lima nada utama. Bunyi yang dihasilkan oleh gong logam ini mempunyai watak yang harmoni dan merdu. Kedua adalah nada yang berbeza. Setiap gong pada kulintangan menghasilkan nada yang berbeza mengikut saiz dan ketebalan logam. Justeru, pemain kulintangan boleh menghasilkan pelbagai corak bunyi dengan memainkan gong logam yang berbeza secara berurutan. Jenis bunyi dan tangga nada pentatonik yang dihasilkan oleh kulintangan di Sabah sangat tersendiri dan merupakan ciri muzik tradisional suku kaum Borneo di wilayah tersebut. Muzik kulintangan di Sabah sering digunakan dalam pelbagai acara tradisi, upacara keagamaan, pesta rakyat dan persembahan kesenian, membawa makna simbolik dan keunikan budaya masyarakat setempat. Kepakaran dan pengetahuan dalam bermain kulintangan juga merupakan warisan budaya yang dijaga dan dihargai oleh penduduk Borneo di Sabah.

2.4 KERANGKA TEORI

Kerangka teori bermaksud reka bentuk kajian atau struktur kajian keseluruhan bagi sesebuah kajian ilmiah. Menurut Nawawi (2011), kerangka teori adalah landasan atau garisan penggunaan teori atau dasar pemikiran secara ilmiah dalam meneliti sesuatu yang hendak dilakukan. Selain itu, menurut Garrison (2000) teori merupakan satu konsep dan model secara sistematik yang bertujuan bagi membina makna untuk menjelaskan, mencorakkan dan mentafsirkan amalan. Beliau juga mengatakan bahawa teori akan memberikan perspektif yang dapat mengurangkan kesukaran dalam menghuraikan suatu fenomena yang kompleks. Seterusnya, kerangka teori merujuk satu penyusunan sistematik tentang idea-idea yang berhubung dengan fenomena yang sedang dikaji atau penjelasan yang sistematik tentang perkaitan di kalangan satu himpunan pemboleh ubah, menurut Wannbrod (1986).

Dengan ini, perkembangan alat-alat muzik yang terdapat di dunia perlu mengambil kira dua pengamatan teori iaitu *Theory of Diffusion* dan *Theory of Polygenesis*. *Theory of Diffusion* atau teori penyebaran secara asasnya menjelaskan bahawa setiap alat muzik yang menjadi induk kepada setiap jenis darinya hanya dicipta atau dibina sekali sahaja dan dari situ ianya menyebarkan luas ke seluruh dunia dalam pelbagai bentuk melalui difusi kebudayaan mengikut kronologinya. Manakala, *Theory of Polygenesis* atau teori poligenesis sering dikatakan bahawa setiap yang tumbuh dan terjadi itu adalah berpunca daripada baka-baka yang berlainan ataupun berkemungkinan lahir daripada pemikiran yang sama iaitu *archetype* yang sedia ada dalam fikiran bawah sedar mereka.

Menurut Schechner (1985) teori persembahan dapat diaplikasi sebagai alat analisis untuk meneliti semua jenis fenomena persembahan seperti klasikal, moden, tekstual, non-tekstual, dramatik, teaterikal, permainan dan ritual.

2.5 KESIMPULAN

Bab ini telah merumuskan bahawa pemrosesan alat muzik Kulintangan ini perlulah dilakukan mengikut urutan agar nada dan bunyi terhasil dengan baik. Selain itu, bab ini juga merumuskan sejarah alat muzik Kulintangan dan teknik-teknik pembuatan alat muzik tradisional. Walaupun di Sabah mempunyai pelbagai jenis alat muzik tradisional yang menarik dan unik, namun kewujudan bagi sesetengah alat muzik itu kelamaan akan hilang disebabkan kurangnya pendedahan dan tidak didokumentasikan dengan lebih jelas dan teliti. Dalam erti kata lain, ianya perlulah direkodkan dalam bentuk video dokumentari dan penulisan.



BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Bab tiga menerangkan tentang metodologi yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian mengenai proses pembuatan alat muzik Kulintangan di Kudat, Sabah. Bab ini bertujuan memberi penjelasan bagaimana kajian dijalankan dan bagaimana data-data diperolehi dan dianalisis untuk mendapatkan data dan maklumat yang tepat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi mencapai objektif kajian. Pendekatan kualitatif yang digunakan adalah memfokuskan kepada kaedah temubual dan kaedah pemerhatian. Seterusnya, pengkaji menggunakan pensampelan bukan kebarangkalian iaitu pensampelan bertujuan di dalam kajian ini. Bagi analisis data pula, pengkaji menggunakan analisis tematik untuk mengeluarkan tema daripada hasil dapatan kajian.



3.1 PENDEKATAN KAJIAN: KAJIAN KUALITATIF

Pendekatan kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif digunakan untuk melihat dan menghuraikan suatu keadaan mengikut konteksnya. Pendekatan kualitatif juga digunakan untuk mencari makna dan memberi pemahaman yang mendalam tentang sesuatu masalah yang dihadapi serta gambaran dan kata-kata yang diungkapkan oleh pelaku dalam keadaan semulajadi atau 'natural setting'.

Kaedah kualitatif berbeza dengan kaedah kuantitatif. Pendekatan kualitatif bergantung kepada data seperti teks dan gambar serta mempunyai langkah yang unik dalam menganalisis data. Kaedah penyelidikan kualitatif dikembangkan oleh individu di mana pengetahuan baru dapat diperoleh.

Data kualitatif terhasil daripada kaedah temubual, pemerhatian dan analisis dokumen, jurnal dan lain-lain. Pendekatan kualitatif bergantung kepada persekitaran semula jadi dan interaksi secara bersemuka iaitu interaksi secara langsung dengan responden dan melihat perbuatan responden tersebut mengikut keadaan mereka.

Catatan lapangan dari kajian lapangan menjadi rujukan utama dalam pendekatan kualitatif. Data yang terpenting dalam kajian kualitatif adalah temubual. Ini adalah kerana pengkaji dapat memperoleh data dengan lebih terperinci dan dapat menjawab persoalan kajian. Pendekatan kualitatif membolehkan pengkaji berinteraktif dengan sampel kajian menggunakan cara yang lebih realistik untuk mendapatkan data dan maklumat daripada sampel kajian berbanding dengan tinjauan dan carta

Kaedah pengumpulan data merupakan cara pengkaji mendapatkan data dan maklumat tentang tajuk kajian. Kaedah-kaedah yang digunakan adalah untuk menambahkan data tentang tajuk kajian. Terdapat dua kaedah utama yang digunakan dalam mendapatkan data iaitu data primer dan data sekunder.

3.2.1 Data Primer

Data primer merupakan data utama yang digunakan untuk mengumpul data semasa kajian dijalankan. Data primer adalah sumber langsung yang dikumpul oleh pengkaji. Data primer memerlukan data dan maklumat dari sumber responden. Data dan maklumat diperolehi melalui pertanyaan dengan menggunakan kaedah temubual. Kaedah pemerhatian dilakukan untuk memerhati dan mengenalpasti persekitaran dengan lebih mendalam. Pemerhatian akan dilakukan di pusat pembuatan alat-alat muzik tradisional Sabah iaitu di Kampung Sumangkap, Kudat, Sabah selama sehari. Kaedah temubual pula dijalankan untuk mengetahui dengan lebih terperinci akan konteks kajian supaya kenyataan yang diberikan oleh responden dapat menjadi bukti yang kukuh di dalam isi kajian ini.

3.2.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan data yang diperolehi daripada sumber yang telah wujud untuk dijadikan rujukan untuk membuat kajian. Data sekunder sebagai data tambahan yang boleh didapati dari sumber bertulis seperti artikel, buku, majalah dan sebagainya. Data sekunder menjadi sokongan kepada pernyataan yang diulas di dalam kajian. Sumber data sekunder adalah sumber yang datang dari catatan, dokumentasi, analisis, internet dan sebagainya. Data kajian ini telah dikumpulkan melalui dua cara iaitu melalui kajian kepustakaan dan sumber internet. Pengkaji memperoleh data sekunder dengan menggunakan bahan dari perpustakaan untuk memahami pendekatan kualitatif yang digunakan di dalam kajian.

i. Kajian Kepustakaan

Pengkaji telah memperolehi dan mengumpul maklumat dan data menggunakan kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan merujuk kepada bahan-bahan rujukan seperti buku, tesis, artikel, akhbar dan jurnal. Pengkaji telah mencari rujukan-rujukan yang berkaitan dengan proses pembuatan alat muzik seperti Kulintangan. Pengkaji telah merujuk kepada sumber kepustakaan untuk memahami sejarah

Kulintangan dan teknik-teknik pembuatannya. Contohnya, buku dan jurnal akademik mengenai alat muzik tradisional Borneo atau etnomuzikologi memberikan maklumat yang luas tentang pembuatan alat muzik kulintangan. Buku seperti "The Music of Malaysia: The Classical, Folk and Syncretic Traditions" oleh Patricia Matusky dan kajian akademik dalam jurnal etnomuzikologi seperti "Ethnomusicology Forum" atau "Yearbook for Traditional Music" mungkin memberikan pandangan yang berguna.

ii. Sumber Internet

Pengkaji turut mengumpulkan maklumat dari bahan elektronik iaitu sumber-sumber internet. Ini bagi mendapatkan lebih banyak bahan rujukan dan maklumat tambahan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Bahan rujukan yang dijumpai di internet sebagai rujukan tambahan dan bahan sokongan yang dapat memudahkan pengkaji membuat penyelidikan. Penggunaan laman web akademik seperti Google Scholar, JSTOR, atau ProQuest dapat membantu mendapatkan artikel-artikel akademik yang berkaitan dengan topik ini. Selain itu, laman web muzium atau organisasi seni muzik tradisional juga mungkin mempunyai maklumat yang berguna. Dengan menyusun kajian menggunakan pelbagai kaedah kepustakaan ini, kita dapat menyediakan sumber-sumber yang kaya dan berwibawa bagi kajian mengenai teknik pembuatan alat muzik kulintangan. Pengkaji telah melayari laman sesawang pemetaan budaya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian, Sabah Creative Economy and Innovation Centre (SCENIC) dan S-Library untuk mendapatkan sumber yang berkaitan bahan atau proses pembuatan kulintangan dan juga sejarah alat muzik kulintangan.

3.3 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian merupakan cara yang digunakan pengkaji bagi mendapatkan data dan maklumat tentang tajuk kajian. Kaedah kajian yang digunakan pengkaji untuk kajian ini ialah kaedah temubual dan kaedah pemerhatian.

3.3.1 Temubual

Kajian ini menggunakan kaedah temubual. Temubual adalah proses interaksi antara penemu bual (interviewer) dan individu yang akan di temubual (interviewee) dalam mendapatkan maklumat melalui interaksi secara langsung. Temubual dilakukan secara bersemuka iaitu percakapan bertatap muka di antara penemu bual dan individu yang ditemubual. Temubual adalah penting kerana pengkaji dapat berjumpa dengan responden secara langsung. Jika terdapat sumber maklumat yang tidak betul, maklumat tersebut dapat dibetulkan dengan segera. Kaedah temubual dapat memberikan maklumat yang lengkap dan bukti yang kukuh kepada hasil data yang diperolehi. Kaedah temubual juga memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan spesifik. Pengkaji juga dapat mengajukan soalan tambahan kepada responden supaya jawapan yang di terima adalah sesuai dengan tajuk kajian. Kajian ini menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan maklumat tentang tajuk kajian. Temubual merupakan proses komunikasi dua hala antara pengkaji dengan individu atau kumpulan. Pengkaji ingin mengetahui apa yang ada dalam fikiran seseorang yang di temubualnya.

Terdapat tiga jenis struktur temubual iaitu temubual berstruktur, temubual separa berstruktur dan temubual tidak berstruktur. Kajian ini menjalankan temubual bersemuka dan temubual berstruktur iaitu temubual yang pernyataan dan susunan soalan sudah ditentukan. Temubual berstruktur dapat menentukan jumlah struktur yang dikehendaki oleh pengkaji. Seramai 1 responden telah dipilih sebagai responden kajian bagi mengenalpasti proses yang betul dalam pembuatan alat muzik kulintangan. Responden yang di temubual mempunyai kaitan dengan pembuatan alat muzik yang berunsurkan besi. Responden adalah terdiri daripada penukang atau pembuat alat muzik tradisional dan pihak berkepentingan. Responden kajian ini adalah terdiri daripada salah satu pembuat alat muzik gong dan kulintangan.

3.3.2 Pemerhatian

Pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian untuk mendapatkan maklumat tentang tajuk kajian. Pemerhatian melibatkan catatan yang sistematik tentang sesuatu peristiwa, perlakuan, dan objek-objek yang dilihat dan yang diperlukan untuk menjalankan pemerhatian. Pemerhatian penting untuk menemukan interaksi dengan latar belakang semulajadi. Kaedah pemerhatian merupakan kaedah yang sering digunakan dalam

penyelidikan kualitatif. Kaedah pemerhatian dapat dilihat di dalam kajian kes dan kajian tindakan kualitatif. Pengkaji menggunakan pemerhatian tidak turut serta (non-participant observation) untuk mengetahui proses-proses pembuatan alat muzik kulintangan di Kudat, Sabah. Di dalam pemerhatian ini, pengkaji tidak turut serta dan hanya menjadi pemerhati. Tujuan pemerhatian ialah supaya pengkaji dapat menjalankan kajian di sesuatu tempat, menjawab permasalahan dan supaya dapat menentukan apa yang perlu diperhatikan. Pemerhatian bagi kajian ini dilakukan di kawasan yang aktif dengan pembuatan alat muzik seperti di sebuah kawasan perkampungan yang memang terkenal dengan hasil alat muzik mereka. Pengkaji telah mencatat segala elemen yang ada seperti kawasan persekitaran, bahan, proses dan perbualan. Melalui kaedah pemerhatian ini pengkaji dapat melihat dan memahami tentang proses dalam membuat alat muzik kulintangan.



3.4 PENSAMPELAN DATA

Pensampelan merupakan proses pemilihan elemen-elemen populasi kajian yang akan dijadikan wakil populasi tersebut. Sampel kajian adalah kumpulan yang akan menjadi sumber maklumat untuk tajuk kajian. Pensampelan merupakan sebahagian dari jumlah dan ciri-ciri yang ada pada sesuatu kumpulan. Sampel yang dipilih dari sesuatu kumpulan mestilah benar-benar mewakili kumpulan tersebut. Pensampelan adalah penting kerana ianya dapat menentukan kesahihan, kebolehpercayaan dan kualiti hasil kajian. Pensampelan kajian adalah perlu kerana dapat menjimatkan masa, kos dan tenaga. Pensampelan kajian ialah kumpulan yang akan menjadi sumber informasi untuk kajian ini.

Sampel kajian dapat memberikan maklumat-maklumat yang berguna dan penting sebagai dapatan kajian bagi tajuk kajian ini. Pengkaji telah menetapkan ciri sampel kajian untuk di temubual adalah berdasarkan individu yang mengamalkan kegiatan wayang kulit dan individu yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman mengenai seni persembahan wayang kulit. Pengkaji menetapkan kriteria sampel kajian adalah untuk mendapatkan maklumat, pemahaman dan pandangan yang berbeza tentang proses pembuatan alat muzik kulintangan di Kudat, Sabah.



3.5 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab tiga telah menjelaskan kaedah-kaedah yang digunakan untuk mengumpul maklumat dan data yang berkaitan dengan tajuk kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah kajian pula adalah temubual, soal selidik dan pemerhatian. Selain itu, pengkaji juga mengumpul data melalui data primer dan data sekunder. Pengkaji menggunakan perakam audio dan buku catatan sebagai alat bantuan kajian untuk merekod dan mencatat maklumat dan data yang didapati ketika temubual dijalankan.



BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab empat menerangkan secara terperinci mengenai analisis data dan dapatan kajian yang diperolehi daripada kaedah kajian yang telah dilakukan. Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian yang dilakukan terhadap kajian teknik pembuatan alat muzik Kulintangan di Kudat, Sabah. Analisis data penting dalam setiap kajian kerana kesemua data yang dikumpul perlu disemak dan dilihat semula agar pengkaji dapat meneliti sama ada data yang diperolehi dan yang diperlukan lengkap atau tidak lengkap.

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada data yang telah dikaji dan yang telah diperolehi dari beberapa individu yang bernama Encik Ronny Bin Makuut (45 tahun), Puan Salina Bin Magimbing (42 Tahun) dan Encik Mohd Hazreen Bin Haipin (35 Tahun). Hasil dapatan kajian yang diperolehi adalah melalui kaedah data temubual, kaedah data pemerhatian dan melalui data perpustakaan iaitu melalui pembacaan. Ini kerana pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini. Pengkaji telah mengumpul data tersebut dan menjalankan penyelidikan di sekitar Kampung Sumangkap, Kudat, Sabah untuk mencari penukang alat muzik tradisional Sabah yang masih aktif. Tempat yang ditumpu oleh pengkaji adalah di Kudat, Sabah sahaja khususnya di Kampung Sumangkap. Selain itu, dianalisis dalam bentuk kuantitatif bagi objektif pertama dan kedua pengkaji iaitu mengkaji mengenai sejarah alat muzik Kulintangan dan proses pembuatan alat muzik Kulintangan. Akhir sekali, membincangkan tentang repertua yang dimainkan dengan alat muzik Kulintangan.

4.2 OBJEKTIF 1: MENGENALPASTI KEWUJUDAN ALAT MUZIK KULINTANGAN DI KUDAT, SABAH

4.2.1 Sejarah Kulintangan

Pengkaji membuat sesi temu bual dengan Encik Ronny Bin Makuut (46 Tahun) mengenai sejarah Kulintangan di Sabah mengikut pengetahuan beliau.



'Kalau pasal sejarah atau asal usul kulintangan ni.. uncle tidak tau berapa sangat..okay dia dihasilkan daripada sebuah mimpi, ya mimpi tu dialami oleh saudara pakcik ataupun .. haaa yang bermimpi aaa rupanya dia membuat gong..dan apabila bangun daripada mimpi dia bawa kawan dia untuk membuat gong.. contohnya ah saya bermimpi membuat gong jadi cuba kita buat untuk aa apa aa mimpi saya tu aa yang membuat gong.. aa daripada masa tu, gong tu tidaklah secantik yang macam sekarang aa sebab aa kekurangan mesin, dulu tiada welding kan.. manual cara buat gong tu.. jadi apabila tch dari tahun ke tahun , generasi ke generasi hinggalah sekarang gong ini aa ada nampak cantik sebab aaa dengan apa aa dengan adanya mesin untuk membuat gong'

'Kulintangan pun cara dia membuat tu hampir sama juga dengan gong yang besar.. Cuma kulintangan ini dia sembilan biji .. untuk satu set .. sama kalau dia mau tiun kulintangan ni dia ada lain sikit tune dia sebab dia satu set ada sembilan biji.. Dia macam tuning ni ibaratkan gitar.. aaa dia macam gitar..'

'Kenapa alat muzik kulintangan ini dihasilkan? .. okay aaa setau saya kalau mimang rungus ni dan ada sebahagian suku kaum yang tidak guna kulintangan err dan ada juga sebahagian suku kaum yang erm pakai kulintangan ni.. kulintangan ni dalam muzik tersebut dia ibaratkan macam gitar lid ataupun kabel, dia mengiramakan lagu aaa apa tu olahan muzik... kita boleh bernyanyi apa semua dalam kulintangan itu'

Alat muzik *kulintang* atau *kulintangan* dianggap sebagai tradisi kuno yang mendahului pengaruh Hindu, Buddha, Islam, Kristian, dan Barat. Di Filipina, ia merupakan bentuk muzik gong tertinggi yang didapati oleh orang Filipina dan di Maluku Utara, ia juga dikatakan telah wujud selama berabad-abad. Walaupun alat muzik ini kuno, tidak ada data yang besar direkodkan mengenai asal-usul kulintangan. Catatan sejarah terawal tentang instrumen yang menyerupai kulintangan masa kini adalah dalam tulisan pelbagai penjelajah Eropah dari abad ke-16 yang melihat instrumen sedemikian digunakan secara turun temurun. Hal ini kerana data yang terhad mengenai muzik gong sebelum penerokaan Eropah, banyaknya teori mengenai prototaip yang menyebabkan kulintangan wujud. Salah satu teori mengatakan bahawa gong gangsa mempunyai sejarah kuno di Asia Tenggara, dengan kewujudannya di kepulauan Indonesia pada dua atau tiga ribu tahun yang lalu dan mengalir ke Filipina serta China pada abad ketiga masihi. Teori lain meragui dakwaan tersebut dengan mengatakan bahawa kulintang tidak mungkin wujud sebelum abad ke-15 kerana kepercayaan tradisi gong Jawa (Indonesia) yang dipercayai berasal dari kulintang hanya berkembang pada abad ke-15.

Di Borneo, kulintangan pada asalnya dimainkan semasa perayaan menuai dan di istana Brunei. Dengan perluasan empayar Brunei pada suatu ketika yang meliputi kepulauan Borneo dan selatan Filipina, tradisi bermain alat muzik kulintangan telah diterima pakai oleh suku kaum Dayak bahagian pedalaman. Dengan itu, tradisi kulintangan diperluaskan merangkumi ke pelbagai upacara suku kaum seperti sebelum dan selepas ekspedisi memburu kepala dan persembahan silat. Walaupun begitu, terdapat pelbagai teori yang berleluasa mengenai abad yang tepat kulintangan yang akhirnya dapat direalisasikan. Terdapat kata sepakat bahawa alat muzik kulintangan berkembang daripada tradisi alat muzik asing yang dipinjam dan disesuaikan dengan tradisi alat muzik asli yang sedia ada di kawasan tersebut. Kemungkinan besar gong terawal yang digunakan dalam kalangan penduduk asli tidak mempunyai nilai rekreasi tetapi hanya digunakan untuk membuat isyarat dan menghantar mesej.

Kulintangan ialah istilah moden untuk bentuk muzik instrumental kuno yang digubah pada deretan gong kecil yang diletakkan secara mendatar yang berfungsi sebagai melodi, diiringi gong dan gendang yang lebih besar dan digantung. Alat muzik kulintangan telah dimainkan selama berabad-abad di wilayah Selatan Filipina, Malaysia Timur, Indonesia Timur, Brunei dan Timor. Kepentingannya berkait rapat dengan budaya orang asli yang mendiami pulau-pulau ini sebelum adanya pengaruh Hindu, Buddha, Islam dan Kristian menjadikan kulintang sebagai ensembel gong-chime kuno di Asia Tenggara. Secara teknikalnya, kulintang adalah istilah dari Maguindanaon, Maluku dan Timor yang berbentuk idiofon cerek gong logam yang diletakkan secara melintang di atas rak dan menghasilkan keseluruhan set kulintangan. Ia dimainkan dengan dua pemukul kayu. Oleh kerana penggunaannya merentasi pelbagai kumpulan dan bahasa, kulintangan juga dipanggil *kolintang* oleh orang-orang Maranao dan Sulawesi, *kulintango* oleh Mongondow, *totobuang* oleh kaum Maluku tengah, kulintangan dan gulintangan oleh orang-orang di Brunei, Sabah, Kalimantan Utara dan Kepulauan Sulu, *Gulingtangan* secara harfiah bermaksud bergolek tangan di Brunei, Sabah dan Sulu.

Menjelang abad ke-20, secara tradisinya istilah Maguindanao untuk keseluruhan ensembel adalah *basalen* atau *palabunibunyan*, istilah terakhir bermaksud "sekumpulan alat yang kuat". Kulintangan tergolong dalam unit atau lapisan yang lebih besar daripada "budaya gong-chime berkunci" yang lazim di Asia Tenggara. Ia dianggap sebagai salah satu daripada tiga ensembel gong utama di rantau ini. *Gamelan* (barat Indonesia) dan *piphat* (Thailand, Burma, Kemboja dan Laos) yang menggunakan gong dan bukan alat tiup atau tali untuk memainkan melodi ensembel. Alat muzik kulintangan dengan beberapa bahagian berirama tersusun satu sama lain dan ia juga berdasarkan skala pentatonik. Walau bagaimanapun, alat muzik kulintangan berbeza dalam banyak aspek daripada alat muzik gamelan, terutamanya dalam cara membina melodi dalam rangka dan selang masa yang ditetapkan untuk setiap instrumen. Rangka kerja alat muzik kulintangan lebih fleksibel dan selang masa tidak wujud, membolehkan perkara seperti improvisasi menjadi lebih berleluasa. Oleh kerana ensembel seperti kulintangan meluas ke pelbagai kumpulan dengan pelbagai bahasa, istilah yang digunakan untuk set gong mendatar berbeza-beza secara meluas.

4.2.2 Sejarah Kulintangan di Sabah

Sejarah kulintangan bermula di kalangan masyarakat pribumi di Borneo Utara, khususnya di wilayah Sabah, Malaysia. Instrumen ini telah menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat etnik Kadazan-Dusun, Murut, Bajau, dan etnik-etnik lain di Sabah selama berabad-abad. Asal-usul kulintangan tidak dapat dipastikan dengan tepat, tetapi ia diyakini telah wujud dalam masyarakat pribumi Sabah sejak zaman purba. Sejarah lisan dan tradisi turun-temurun menjadi sumber utama untuk mengetahui tentang perkembangan dan penggunaan kulintangan dalam kehidupan masyarakat tradisional. Kulintangan awalnya dimainkan semasa upacara-upacara keagamaan, seperti ritual perayaan menuai padi (Kaamatan) oleh masyarakat Kadazan-Dusun, dan semasa upacara-upacara adat dan kebudayaan lainnya. Ia juga sering dimainkan semasa acara-acara sosial dan perkahwinan, serta sebagai hiburan dalam kehidupan harian masyarakat.

Kulintangan adalah alat muzik tradisional yang berasal dari Malaysia dan Filipina. Di Kudat, Sabah, kulintangan juga merupakan sebahagian daripada warisan muzik tradisional kaum Bajau, Rungus dan masyarakat etnik lain di sana. Alat muzik ini terdiri daripada rangkaian gong yang dipukul dengan pemukul kecil yang dipanggil "cawat" atau "tawak-tawak". Kulintangan biasanya dimainkan secara ansambel, di mana setiap gong mempunyai nada yang berbeza, dan secara kolektif, ia menghasilkan melodi yang indah. Kulintangan Kudat mempunyai keunikan tersendiri iaitu daripada gaya pembuatan gong sehinggalah kepada gaya permainan yang unik bagi penduduk kawasan tersebut. Biasanya, kulintangan dimainkan pada acara keagamaan, majlis perkahwinan, atau semasa perayaan tempatan. Memelihara alat muzik ini penting bagi mengekalkan warisan budaya dan muzik tradisional masyarakat di Sabah.

Kulintangan, sebuah alat muzik tradisional yang memainkan peranan penting dalam budaya masyarakat Kadazan-Dusun di Sabah, terus wujud dengan ketara di Kudat. Alat muzik ini terdiri daripada sepuluh hingga dua belas gendang logam yang tersusun dalam satu set, mewakili bunyi-bunyi yang berbeza. Kewujudan kulintangan di Kudat terutamanya menonjol dalam pelbagai acara keagamaan, perkahwinan, dan upacara adat. Pada majlis perkahwinan atau acara keagamaan, kulintangan sering dimainkan untuk mengiringi tarian tradisional atau nyanyian suku kaum Kadazan-Dusun. Masyarakat setempat mungkin menganjurkan pertunjukan seni atau pertandingan kulintangan untuk memupuk keunikan dan keindahan alat muzik

ini. Kewujudan kulintangan di Kudat bukan sahaja merupakan satu aspek seni yang penting tetapi juga melibatkan nilai-nilai tradisional dan warisan budaya yang diwarisi secara turun-temurun. Ini menunjukkan usaha masyarakat tempatan untuk mengekalkan dan menghargai warisan budaya mereka, menjadikan kulintangan sebagai satu simbol penting dalam identiti kebudayaan Sabah.

